

14/05/2003

Kutipan tabung keamanan kumpulan NSTP RM356,004.54

KUALA LUMPUR: Tabung Keamanan Antarabangsa Malaysia (MIPF), melalui kutipan akhbar kumpulan The New Straits Times Press (M) Bhd (NSTP), terus meningkat ke RM356,004.54 setakat jam 4.30 petang semalam.

Kebanyakan sumbangan itu, diterima daripada orang perseorangan yang prihatin dengan penderitaan dan kesengsaraan yang sedang dilalui rakyat Iraq selepas pencerobohan tentera bersekutu.

Di KUANTAN, Majlis Belia Negeri Pahang (MBNP) berjaya mengumpul sumbangan lebih RM105,000 untuk mengisi tabung MIPF bagi membantu meringankan penderitaan mangsa perang di Iraq.

Kutipan yang dilancarkan selama 25 hari, bermula 15 April lalu oleh Tengku Mahkota Pahang dan tamat Sabtu lalu, menerima sumbangan terbesar dari kerajaan negeri berjumlah RM50,000 dan Majlis Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (Maip) berjumlah RM10,000.

Pengerusi MBNP, Datuk Faisal Abdullah, berkata semua wang kutipan itu diserahkan kepada Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), Datuk Seri Mohd Khir Toyo di Dataran Shah Alam, malam kelmarin.

Katanya, semua sumbangan daripada Majlis Belia Negeri (MBN) seluruh negara yang kini berjumlah kira-kira RM335,000 akan diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Stadium Bukit Jalil pada Khamis ini, sempena sambutan Hari Belia Sedunia.

Beliau berkata, jumlah kutipan MBNP itu melebihi sasaran awal RM25,000 yang ditetapkan.

Di JOHOR BAHRU, penderitaan ditanggung rakyat Iraq yang menjadi mangsa pencerobohan tentera Amerika Syarikat dan sekutunya, mendapat simpati pelbagai golongan masyarakat di negara ini.

Antaranya, kira-kira 400 warga kerja Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Ismail, Senai, dekat sini, termasuk kakitangan Malaysia Airports Bhd (MAB), yang menyumbangkan RM700.10.

Ketua Unit Keselamatan MAB Lapangan Terbang Sultan Ismail, Ghani Che Man, berkata selain pekerja MAB, derma itu disumbangkan kakitangan pelbagai agensi yang beroperasi di lapangan terbang itu termasuk Jabatan Kastam, Imigresen, Penerbangan Awam dan Kelab Sukan Lapangan Terbang Sultan Ismail.